From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SOG PERKUKUH JARINGAN AKADEMIK ANTARABANGSA BERSAMA BURAPHA UNIVERSITY, THAILAND
Date: Wednesday, 9 September, 2026 2:53:32 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

9 SEPTEMBER 2026 / 27 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan Gambar oleh: Prof. Dr. Ahmad Zubir Ibrahim

SOG PERKUKUH JARINGAN AKADEMIK ANTARABANGSA BERSAMA BURAPHA UNIVERSITY, THAILAND





UUM ONLINE: Thailand, 29 - 31 Ogos 2026 - Pusat Pengajian Kerajaan Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh jaringan kerjasama akademik antarabangsa menerusi penyertaan dalam International Academic Cooperation Network Development and Seminar on Administration and National Development anjuran Faculty of Political Science and Law, Burapha University, Thailand, yang berlangsung pada 29 hingga 31 Ogos 2026.

Lawatan akademik ini diadakan atas jemputan Faculty of Political Science and Law, Burapha University sebagai sebahagian daripada usaha memperluas jaringan kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi serantau, khususnya dalam bidang pentadbiran awam, kerajaan, sains politik dan pembangunan nasional.

Program ini turut menghimpunkan ahli akademik dan wakil institusi dari beberapa negara ASEAN. Selain UUM dan Burapha University, Thailand, penyertaan turut melibatkan wakil daripada Institut Pahlawan 12 Sungailiat, Bangka Belitung, Indonesia serta Universitas Brawijaya, Indonesia.

Penglibatan pelbagai institusi ini menyediakan platform penting untuk perkongsian kepakaran, pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang pentadbiran serta pembangunan negara.

Antara aktiviti utama yang bakal dilaksanakan ialah Academic Cooperation Network, yang memberi tumpuan kepada pembentukan dan pengukuhan jaringan kerjasama akademik antara institusi; International Graduate Academic Seminar, yang menjadi platform kepada pelajar pascasiswazah dan ahli akademik membentangkan hasil penyelidikan serta bertukar pandangan; dan Doctoral Academic Seminar, yang memberi ruang kepada calon kedoktoran membincangkan penyelidikan, pendekatan metodologi serta isu-isu semasa berkaitan pentadbiran dan pembangunan.

Selain aktiviti tersebut, lawatan ini dijangka membuka ruang kepada perbincangan mengenai kerjasama penyelidikan rentas negara, penerbitan bersama, mobiliti staf dan pelajar, penganjuran seminar serta persidangan bersama, perkongsian kepakaran akademik dan pembangunan program akademik berimpak tinggi.





Menurut Dekan, Pusat Pengajian Kerajaan, Prof. Dr. Halimah Abdul Manaf berkata, jaringan akademik serantau semakin penting dalam menghadapi cabaran pentadbiran dan pembangunan yang semakin kompleks serta merentas sempadan negara.

Penglibatan UUM dalam program seumpama ini juga selari dengan usaha universiti untuk meningkatkan keterlihatan dan impak akademik pada peringkat antarabangsa, khususnya melalui pengembangan jaringan strategik dengan institusi pengajian tinggi di rantau ASEAN.

Dalam konteks yang lebih luas, program berkenaan berpotensi menjadi asas kepada pembentukan jaringan akademik serantau yang lebih tersusun dalam bidang Administration and National Development, sekali gus membolehkan ahli akademik dan penyelidik daripada Malaysia, Thailand dan Indonesia membangunkan penyelidikan komparatif mengenai tadbir urus, kerajaan tempatan, penyampaian perkhidmatan awam, pembangunan komuniti serta pembangunan negara.

Penyertaan UUM dalam program ini juga memperlihatkan komitmen Pusat Pengajian Kerajaan, UUM untuk memperluas jaringan antarabangsa dan memperkukuh peranannya sebagai pusat rujukan dalam bidang kerajaan, pentadbiran awam dan pembangunan.

Diharapkan lawatan akademik ini bukan sahaja mempererat hubungan antara UUM dan Burapha University, malah menjadi pemangkin kepada kerjasama jangka panjang antara Malaysia, Thailand dan Indonesia melalui penyelidikan, pendidikan pascasiswazah dan perkongsian ilmu yang memberi manfaat kepada universiti, kerajaan serta masyarakat di rantau ASEAN

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.